

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN SIM CHEE KEONG  
[BUKIT MERTA JAM]**

**TARIKH : 4 OGOS 2020 (SELASA)**

**SOALAN**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kos, vendor/pemaju, agensi yang bertanggungjawab dan perbezaan fungsi aplikasi Mytrace, Mysejahtera dan Gerak Malaysia, nyatakan keperluan untuk mewujudkan 3 aplikasi berbeza.

**JAWAPAN**

**YB DATUK SERI MOHD REDZUAN BIN MD. YUSOF,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (TUGAS-TUGAS KHAS)**

Tuan Yang Dipertua,

1. Aplikasi MySejahtera dibangunkan berdasarkan kepada keperluan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) yang memerlukan kerjasama komuniti untuk membantu KKM dalam mengawal penularan wabak COVID-19. Pihak KKM telah memohon bantuan Agensi Keselamatan Siber Negara (NACSA), serta Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) untuk menilai aplikasi yang dibangunkan oleh syarikat KPISoft Malaysia Sdn. Bhd. secara *Corporate Social Responsibility* (CSR) untuk dijadikan aplikasi di peringkat nasional.

2. Pihak NACSA dan MAMPU selanjutnya telah melaksanakan penilaian daripada aspek ketersediaan serta kemampuan aplikasi tersebut untuk memenuhi keperluan KKM dalam mengurus wabak COVID-19 yang bersifat dinamik. Pada masa yang sama, penilaian juga dilaksanakan terhadap aplikasi-aplikasi lain yang turut ditawarkan kepada Kerajaan, dengan mengambil kira keperluan mendesak dan dasar yang ditetapkan oleh KKM. Hasil penilaian tersebut mendapati bahawa MySejahtera merupakan aplikasi yang paling tersedia berbanding aplikasi-aplikasi lain yang ditawarkan. MySejahtera dibangunkan melalui kerjasama strategik antara MKN, KKM, MAMPU, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) dan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI).

3. MySejahtera merupakan aplikasi yang memfokuskan kepada pengawasan penularan wabak COVID-19 melalui penilaian kesihatan sendiri oleh komuniti. Pada awal pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), pihak KKM amat memerlukan maklumat berhubung tahap kesihatan komuniti memandangkan wabak COVID-19 semakin tersebar dan berpecah kepada kluster-kluster yang lebih kecil. MyTrace pula merupakan aplikasi yang dibangunkan untuk pengesanan kontak menggunakan teknologi *Bluetooth*. Manakala Gerak Malaysia pula

merupakan aplikasi yang memantau pergerakan orang awam semasa pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB).

4. Ketiga-tiga aplikasi ini dibangunkan menggunakan teknologi dan pendekatan yang berbeza. Pembangunan aplikasi yang dilaksanakan secara serentak ini merupakan keperluan Kerajaan untuk menentukan teknologi yang terbaik dan berkesan bagi mengawal penularan wabak ini. MyTrace menggunakan teknologi *bluetooth*, Gerak Malaysia menggunakan teknologi *Global Positioning System* (GPS) manakala MySejahtera menggunakan pendekatan "*community empowerment*" bagi penilaian kesihatan sendiri yang mana data-data yang dikumpulkan disalurkan ke platform *Artificial Intelligence* (AI) bagi pelaksanaan *forecasting* dan *projection*.

5. Berdasarkan pendekatan yang ditetapkan oleh KKM terhadap pengurusan wabak COVID-19, MySejahtera telah diperluaskan daripada fungsi asalnya dan meliputi fungsi imbasan Kod QR yang kini digunakan di seluruh negara. Fungsi ini akan terus diperkembangkan untuk kegunaan jangka masa panjang. Pihak KKM telah menetapkan keperluan supaya MySejahtera terus diperkembang dan digunakan di peringkat nasional dengan mengambil kira keperluan pembentukan satu tadbir urus yang efektif serta peruntukan khusus bagi tujuan menambahbaik dan mengendalikan MySejahtera.

Sekian, terima kasih.